



## liku-liku senja yang gusar



**W**

ajahnya terus berubah merah. Kata-kata ustazah Hafizah yang merubahkannya. Hatinya terasa terguris-guris seperti ditikam sembilu. Dadanya terasa dibakar, dibakar oleh wajahnya yang merah itu.

Duduknya semakin resah. Himpitan pelajar-pelajar kelas agama itu terus meresahkannya. Udara sejuk yang menyusup masuk ke kelas itu terus membakarnya, hujan selebat pancuran di luar rumahnya itu tidak dapat memadamkan kegelisahannya.

Kata-kata usatazah Hafizah terus bermain dibenaknya, benaknya sudah penuh digendut marahnya, hatinya mula meneka-neka siapa miang keladinya, mencari-cari siapa yang mengeksploitkan kesahnya berjudi itu.

Keluhan demi keluhan ustazah Hafizah terus menyusuk di kalbunya, kalbunya sudah penuh dikendong gelisahnya, sikap pelajar-pelajar yang berbisik-bisik di antara mereka sambil menoleh-noleh, menjeling-jeling ke arahnya terus terlukis-lukis di gambarannya, malunya menyelinap-linap masuk di sudut kalbunya.

Berjudi padanya adalah soal-soal lumarah, soal-soal yang tak dapat diketepikan olehnya, yang tak dapat diketepikan oleh sesiapa pun, hidup pun satu perjudian, perjudian yang tidak nyata, perjuangan pun satu perjudian, perjudian yang tidak ketara, pendekata hidup adalah perjuangan dalam perjudian.

Di mana-mana manusia berjudi, negara-negara Arab yang kaya dengan minyak pun berjudi, perjudian paling besar, paling tidak ketara tidak nyata, perjudian yang diistilahkan sebagai bantuan, pertolongan kepada sahabat-sahabat yang setia.

Di dalam peperangan pun manusia turut berjudi, berjudi yang kononnya untuk menegakkan kebenaran, kerana kebenaran harus diperjudikan, nyawa pun turut dipertaruhkan,

dipertaruhkan yang kononnya untuk mengekalkan kebebasan, kerana kebebasan harus diperjudikan, pendekata kebenaran, kebebasan dan kemerdekaan adalah sentiasa diperjudikan.

“Raziah, ke mari sekejap, saya nak berbicara sedikit.” tersentak lamunannya oleh suara ustazahnya itu, suara yang lunak itu memperlihatkan kelunakan wajahnya, dia tahu umur ustazah Hafizah sebaya dengannya, menjangkau tiga puluh dua tahun.

Dia cepat-cepat menggulung tikar yang digunakan oleh pelajar-pelajar klas itu, kejayaan klas ugama ini pun adalah atas sumbangan besarnya, ruang rumahnya pun diperjudikan untuk menjayakannya. Kerana di dadanya masih mengharap sebutir pahala bagi merengankan penyeksaan neraka, di hatinya pun masih mengharap seteguk air susu putih jernih dari syurga.

“Ya, ustazah,” kata Raziah terus duduk di hadapan Ustazah Hafizah, tempohnya masih menampakkan keresahannya, tapi hatinya mula terasa puas, dia mesti bersemuka dengan ustazahnya, biar soal dia berjudi itu dapat difahami oleh Ustazah Hafizah. Biar soal dia berjudi pun harus diperjudikan bersama Ustazah Hafizah.

“Raziah, mengapa kau berjudi? tak malukah kau? dahlah tempat ini digunakan tempat belajar, aku dengar kau gunakan tempat ni juga untuk berjudi.” Raziah mencengkamkan bibirnya, mulutnya masih kaku untuk berkata.

“Kau tak takut dosa, tak takut masuk neraka!” sergah Ustazah Hafizah, di hatinya dia boleh melentur buluh yang liat itu, dia boleh membuat Raziah tunduk kepadanya.

“Tapi.....”

“Tapi apanya lagi, kau tak pernah tinggalkan sembahyang, sembahyang kau jalankan kewajipannya, di bulan puasa kau berpuasa tapi mengapa masih nak berjudi?”

Kata-kata Ustazah Hafizah terus berligar-ligar di sudut hatinya, dia fahami akan hakikat sembahyang yang sebenarnya, hakikat puasa yang setulusnya, hakikat seorang muslim yang sejati, tapi soal berjudi sudah tak dapat ditolak oleh hatinya.

Kata-kata ustazah Hafizah terus meniti di persimpangan hatinya, Ustazah Hafizah tahu dia suka berjudi, memang itulah satu-satunya kegemarannya, hobinya, kegemaran yang tak dapat diluputkan dari batinnya. Tempohnya mula meninggi, matanya terus menyusuk mata Ustazah Hafizah.

“Suka-suka aje, penuhkan masa.”

“Berdosa.”

“Itu saya tahu.”

“Kalau dah tahu mengapa dibuat?” tanya Ustazah Hafizah. Ketaran bibirnya mula membayangkan pendiriannya.

“Zah, hobi aje.” kata Raziah, bibirnya tersengeh-sengeh, hatinya mula memandang soal berjudi itu tak serius lagi, sudah merupakan darah dagingnya.

“Astarfirullah.”

“Zah, satu dua kali seminggu aje, bukan selalu, bukan tiap-tiap hari.” sengehnya terus terlukis di bibirnya, hatinya mula memandang Ustazah Hafizah bukan sebagai ustazahnya lagi tapi sebagai kawannya yang sering menasihatkannya, sudah bosan juga dia mendengar nasihatnya itu, soal berjudi sudah tak boleh luput dari hatinya, dari darahnya, dari dagingnya.

“Mengucap Raziah, mengucap, kau takut dosa,”

“Ah lupakanlah perkara judi itu, biar aku berdepan dengan Tuhan, biar aku selesaikan dengan Tuhan.”

“Kau masih pandang ringan soal ini, kau tak takut seksaan Tuhan, seksaan Allah Subhanahuwataala.”

“Sudahlah Zah, aku tahu berjudi itu berdosa, tapi aku masih lagi menunaikan sembahyang, menunaikan segala suruhan Tuhan.” kata Raziah, dia mahu Ustazah Hafizah faham bahwa dia sembahyang dan berjudi itu biar Tuhan adilkan seadil-adilnya, setimpal-timpalnya.

“Kalau kau dah tau berjudi itu berdosa, mengapa kau lakukan, apa gunanya kau bersembahyang.” kata Ustazah Hafizah, kerut mukanya menampakkan rasa hairannya akan sikap degil kawannya itu.

“Jadi selama ini sembahyang aku tidak diredai Tuhan.”

“Aku tidak kata begitu;Raziah.”

“Eh... siapa yang beritahu kau, aku berjudi ni?” tanya Raziah dia tahu selama dua tahun ustazah Hafizah mengajar ditempatnya, dia sembunyikan soal dia berjudi dari orang ramai, dari Ustazah Hafizah, dari sesiapa pun, tapi terbongkar juga, terhambur di mulut orang ramai dan akhirnya ke telinga Ustazah Hafizah.

“Itu soal kedua, siapa yang beritahu tak perlu kau tahu.”

“Tapi inikan soal-soal peribadi.”

“Ya, aku tahu itu soal peribadi, tapi Tuhan tak kira samada itu soal peribadi atau tidak peribadi.”

Mata Raziah terus menyusuo masuk ke mata Ustazah Hafizah, sengehnya terus bermain-main di sudut bibirnya yang tebal dengan lipstick yang tebal menyala itu, yang sama merahnya dengan marahnya ketika ustazah Hafizah menerangkan kepada pelajar-pelajar tentang ada murid-muridnya bergelumang di atas meja dengan daun pakau.

“Kan aku dah katakan tadi, itu hobi aje, soal peribadi yang tak patut dibincangkan, soal aku dengan Tuhan, biarlah kuburku menjawabnya.”

“Kita ni dah berkawan sejak di bangku sekolah dulu, kalau perbuatan kau menyalahi agama suci kita, aku berhak menasihati, begitu juga pada aku” suara Ustazah Hafizah merendah.

“Okeh, okeh, bagaimana dengan soal kau pula?”

“Soal aku?”

“Ya, soal kau, soal suami kau!”

“Suamiku, kenapa?”

“aku nak tahu aje.”

“Yalah, kenapa? apa yang kau nak tahu?”

“Aku nak tahu aje, tak boleh?” ujar Raziah, matanya seolah-olah menguji sejauh mana mata ustazahnya menikam matanya.

“Boleh, tapi kenapa?”

“Aku dengar, suami kau bekerja di turf club, jaga kuda, betul ke?” tanya Raziah, memang selama ni dia sudah mendengar suami ustazahnya, laki kawannya itu bekerja di sana setelah lama dia menganggur dan selama itulah Raziah tak berani bertanya dan inilah peluangnya supaya perasaan ingin tahunya itu terhurai.

“Ya, benar, tapi kenapa?”

“Tak ada lain kerja ke?”

“Dah puas dia mencari, maklumlah dengan keadaan sekarang ni, pergolakan hidup ni, orang berlumba-lumba mencari pekerjaan, nak asapkan dapur, nak penuhkan saku, akhirnya dapatlah kerja jaga kuda, hah... berkawanlah dia dengan kuda.” Ustazah Hafizah ketawa kecil, ketawa yang sengaja dibuat-buatnya, kerana soal itu adalah soal suaminya, soal matapencarian suaminya, tak perlu Raziah tahu.

“Kan pergolakan hidup suamikau itu diperjudikan, dapur pun diperjudikan, koceknnya pun diperjudikan.” kata Raziah lembut, hatinya mula puas, sepuas hati ustazahnya.

Ustazah Hafizah tunduk diam, matanya sudah kecut untuk menentang mata Raziah yang bulat, sebulat guli anaknya di rumah.

“Tapi tahu tak kau, kuda-kuda dilumbakan, diperjudikan dan tentu pula suamikau itu dapat gajinya dari hasil kuda tu, Apatah lagi kalau dia terima tip, apa, duit gaji tu tak haram?” kata Raziah, dia mahu kawannya itu menghuraikannya, dia mahu ustazahnya itu mentafsirkan, dia mahu hatinya puas, sepuas hati ustazah yang berhujjah soal dia berjudi.

“Entahlah, tapi dia dah berusaha, dia mengeluarkan keringat, dah berbaldi-baldi keringatnya tu mengalir dari tubuhnya dan dia membanting tulan empat keratnya tu untuk mandikan kuda, berus bulu kuda, bersihkan kandang kuda, buang najis kuda.”

“Tapi segala wang yang didapatinya untuk dibayar pada pekerja di turf club tu berpunca dari hasil pertarungan, hasil perjudian dan suamikau menerimanya.” kata Raziah, matanya terus menikam mata ustazah Hafizah yang kelihatan mula menunduk layu.

“Tadikan dah aku katakan, dia bekerja membanting tulan untuk mendapat gajinya, dia pernah ditendang kuda, terpelanting-pelanting.” jelas ustazah Hafizah, dia mengharapkan Raziah faham akan kedudukan suaminya, dia mahu bertagak mempertahankan suaminya sama seperti Raziah mempertahankan dirinya tadi.

“Tapi punca wang itu.”

“Entahlah”

“Kau terima gajinya,”

“Entahlah, sudahkan, itukan soal suamiku,”

“Tapi Tuhan tidak mengira soal mata pencarian begitu, Tuhan tidak mengira segala susah payah begitu, Tuhan menegah kita menerima wang dari punca yang tidak baik.”

“Biarkanlah dia, aku pun dah bosan memikirkannya, biarlah aku berterus terang dengan kau, sebenarnya aku dah minta cerai dari suamiku, dia nak kawin baru.”

Suara Ustazah Hafizah terus menunduk, hujan diluar semakin lebat, sejuknya semakin menikam-nikam tulan ustazah Hafizah, sejuknya semakin menggelorakan hatinya, dadanya terasa dibakar dalam kesejukan itu bila mengingat0ingat cakap suaminya nak kawin baru itu.

Kekuatan fikirannya terasa terperangkap dalam kedinginan hujan bila terkenangkan keupayaan suaminya nak menyara janda anak satu itu, nafasnya terasa terhempas bersama hempasan titik-titik hujan dari dada langit.

Di benaknya mula tergambar rintihan suaminya bila ditinggalkan kerana tugasnya menyebarkan pengajaran ugama sucinya, kepulangan jauh-jauh malam kerana ingin berbakti pada Tuhan sering disambut dingin oleh suaminya. Suaminya masih perlukan duniawi, hiburan, menonton, tapi dia tak dapat menyesuaikan dirinya pada kehidupan suaminya itu, seperti embun yang tak dapat menyesuaikan dirinya pada pancaran matahari.

Di kepala Raziah terus terbuai-buai dengan ngelamunannya, seorang kaki judi dapat menjaga hati suami, dapat bertugas pada suami tanpa kekecuan, sedangkan ustazah yang disanjunginya mengeneipkan baktinya, tugasnya, tanggungjawabnya pada suaminya.

“Kau tak benarkan dia beristeri dua.”

“Aku tak mahu dimadu.”

“Dia berhak.”

“Tak tahulah aku kalau kau suka dimadu.”

“Tapi kau lupa tugas-tugas kau sebagai isteri.”

“Entahlah.”

“Kau mahu berbakti pada Tuhan, tapi tugas rumah tanggakau kau abaikan.”

“Aku lebih mengutamakanNya.”

“Itu aku tahu.”

“Aku lebih memuliakanNya.”

“Walaupun rumahtanggakau runtuh.”

“Biarlah.”

“Tapi Tuhan merestui rumahtanggakau, meredai baktikau padaNya.”

“Begitu..?”

“Kau sebenarnya sudah lupa pada manusia.”

“Entahlah.”

“Lupa pada manusia bererti lupa kepada kemanusiaan, kemanusiaan sebenarnya sudah luput dari hatikau.”

“Entahlah”

“Dan suamikau jadi mangsakau.”

Di luar hujan semakin mengganas, angin terus menderu kencang, gelora angin dan hujan segelora hati ustazah Hafizah dan Raziah. Dan turunnya titik-titik hujan membasahi bumi terus menepuk-nepuk dada mereka yang bergetaran . Gelap senja itu terus menggusarkan mereka.

Dari jauh sayup-sayup kedengaran azah magrib dalam kegusaran senja yang merintih sentuhan titik-titik hujan dan desiran angin petang.

Di dalam bilik, Ustazah Hafizah dan Raziah sedang khusuk mengadap Tuhan, di dada mereka terus mengharap secebis cahaya dalam getaran liku-liku senja yang menggusarkan.